

Bil. S 15

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2004

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Penggantian mukasurat-mukasurat.

JADUAL

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2004

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 5 dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 1 Tahun 2004 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Mac, 2004.

Penggantian mukasurat-mukasurat.

2. Pengeluaran dari Undang-Undang bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual yang tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini diarahkan, dan pemasukan dalam Undang-Undang, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang masing-masing diarahkan untuk dikeluarkan, bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual yang tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat merujuk kepada undang-undang bertulis tersebut adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

(perenggan 2)

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Mukasurat-mukasurat	Tulisan
5	Aturan-Aturan Mahkamah Besar, Susunan Perintah-Perintah, aturan-aturan dan senarai borang	1 hingga 52	B.L.R.O. 1/2001

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
5	Aturan-Aturan Mahkamah Besar, Susunan Perintah-Perintah, aturan-aturan dan senarai borang	1 hingga 52	B.L.R.O. 1/2004

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1424 bersamaan
dengan 29 haribulan Januari, 2004.

DATO PADUKA AWANG HAJI KIFRAWI BIN
DATO PADUKA HAJI KIFLI
PEGUAM NEGARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.